

SCAT FAIR BERI MANFAAT SANGAT BESAR KEPADA GENERASI MUDA

10 March 2016

- The Borneo Post Online

KUCHING: Pameran Kerjaya dan Latihan Sarawak (SCaT Fair) 2016 adalah platform yang wajar diteruskan pada masa depan kerana ia memberi manfaat yang sangat besar kepada generasi muda di negeri ini.

Malah, program ini juga dilihat bukan sahaja membuka peluang kerjaya kepada masyarakat di bandar tetapi turut menarik minat anak-anak muda daripada kawasan luar bandar dan pedalaman negeri ini.

Menurut salah seorang pengunjung, Julia Layam, 26, ScaT Fair merupakan inisiatif yang sangat baik di mana orang ramai boleh mengetahui peluang-peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh pelbagai syarikat korporat di bawah satu bumbung.

“Program ini memberi manfaat yang sangat baik terutama bagi mereka dari kawasan luar bandar untuk bersama-sama merebut peluang kerjaya dan latihan yang ditawarkan,” katanya ketika ditemu bual di sini, semalam.

Julia yang bekerja dengan sebuah syarikat perunding di sini menambah, dia juga telah membawa adiknya dari Engkilili untuk mengunjungi pameran ini bagi mencuba rezeki mendapatkan pekerjaan.

“Saya juga pasti ramai orang dari luar bandar turut datang ke pameran ini dengan bukan sahaja untuk mencari pekerjaan tetapi juga mengintai peluang pendidikan,” katanya.

Seorang graduan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Zulfikhar Alias, 24, menyifatkan SCaT Fair telah memberi peluang kepadanya untuk mendapatkan maklumat pekerjaan dan pada masa sama mengenali banyak syarikat korporat.

“Saya melihat program ini sangat membantu golongan graduan untuk mendapat pekerjaan di mana kita boleh mendapat maklumat mengenai peluang pekerjaan dan juga mengetahui syarikat yang terlibat,” katanya.

Dalam pada itu, pemegang Ijazah Pembangunan Sumber Manusia itu turut memuji inisiatif kerajaan negeri yang memperkenalkan program Latihan Pengukuhan Graduan Sarawak (GETS) dalam usaha membantu graduan menganggur di negeri ini mendapat pekerjaan menerusi latihan.

“Saya melihat program ini sangat bagus dan berharap ia dapat membantu graduan mendapat pekerjaan dengan berkesan,” katanya.

Manakala Nizam Azuwan, 22, yang berkelulusan STPM 2013 berharap SCaT Fair kali ini akan membantunya mendapat pekerjaan yang lebih baik.

“Selama ini saya sangat susah mendapat kerja...saya berharap pameran ini akan mengubah nasib saya untuk mendapat pekerjaan yang menjamin masa depan,” katanya yang kini hanya bekerja di Mini Mart UiTM.

SCaT Fair 2016 yang berlangsung selama tiga hari di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCCK) telah disertai 138 institusi, syarikat dan agensi.

Ia merangkumi tujuh institusi pendidikan, 56 syarikat yang menawarkan 2,600 peluang pekerjaan, enam agensi bantuan pendidikan dan sembilan agensi seperti RECODA, JobsMalaysia, Jabatan Pendidikan dan Bank Simpanan Nasional (BSN).

SCaT Fair yang mula diadakan sejak 2012 adalah dianjurkan oleh Tabung Ekonomi Gagasan Anak Bumiputera Sarawak (TEGAS).